

# Kadar bayaran wad dimansuhkan

KOSMO

11/05/2010

MK 2


**KUALA LUMPUR** - Berkuasa 1 April ini, semua kakitangan awam, ahli keluarga terdekat mereka serta pesara tidak lagi diperlukan menjelaskan bayaran wad hospital apabila caj itu dimansuhkan atas kepentingan menjaga kebajikan mereka.

Pemansuhan bayaran itu yang dipercayai melibatkan amaun sekitar RM500,000 setahun, tidak menjejaskan kelayakan wad yang ditetapkan untuk pegawai berdasarkan masing-masing.

Petua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Ismail Adam menjelaskan, pemansuhan itu yang dinyatakan dalam Pekeliling Bilangan 4 Tahun 2010 itu turut terpakai untuk anggota keluarga dan ibu bapa kakitangan terbabit.

Beliau dalam kenyataannya semalam memberitahu, kelayakan wad untuk pegawai penguurusan tertinggi, Gred 45-54 ialah Kelas 1 bilik seorang, Gred 31-44 (Kelas 1 bilik berdua), Gred 21-30 (Kelas 1 bilik bertiga) dan Gred 1-20 (Kelas 2).

Menurut beliau, jika pegawai



**KAKITANGAN** awam dan keluarga mereka dikecualikan daripada bayaran wad mulai 1 April ini. - Gambar hiasan.

awam, pesara, anggota keluarga atau ibu bapa meminta wad yang melebihi had kelayakan, mereka perlu menampung ba-

ayaran tambahan tersebut.

Ismail berkata, peruntukan pekeliling perkhidmatan itu turut dipanjangkan kepada se-

## Info Bayaran wad

**Bayaran meliputi caj katil dan makanan mengikut kelas kelayakan pegawai**

Gred 1-20 (kelas 2) - RM3

Gred 21-30 (kelas 1 bilik bertiga) - RM6

Gred 31-44 (kelas 1 bilik berdua) - RM8

Gred 45-54 (kelas 1 bilik seorang) - RM10

### Pesara

Bayaran mengikut gred hakiki terakhir sebelum pensen.

**Sumber:** Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

mua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.